



PERAK  
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## KENYATAAN RASMI BIL. 3/2020

### HEBAHAN PERUBAHAN WAKTU SOLAT SUBUH DI SELURUH NEGERI PERAK

Bagi Menjunjung titah perintah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan agar waktu Subuh bagi seluruh Negeri Perak menggunakan parameter 18 darjah di bawah ufuk berbanding 20 darjah di bawah ufuk sebelum ini maka, **berkuatkuasa pada hari Sabtu, 22 Jamadilawal 1441 H bersamaan 18 Januari 2020 M** waktu bermula solat Subuh perlu ditambah 8 minit daripada waktu solat Subuh sedia ada.

Sehubungan dengan itu juga, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah membuat keputusan bahawa hukum solat Subuh yang telah dilaksanakan sebelum perubahan ini **adalah sah dan tidak perlu diqadha.**

Ditegaskan juga, perubahan ini hanya melibatkan pada **waktu Subuh sahaja**, tanpa melibatkan waktu-waktu solat yang lain. Seluruh rakyat negeri Perak boleh merujuk kepada laman web / laman *facebook* rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak bagi mendapatkan waktu solat Subuh terkini dan maklumat lanjut mengenai perubahan tersebut.

  
**Dato' Haji Zamri Bin Hashim**  
**Timbalan Mufti Negeri Perak**

21 Jamadilawal 1441 H (Jumaat)

17 Januari 2020 M